

# Sajak 'Tiada Kau Berdosa' untuk Dr Mahathir

BH 22/6/03

PENGARANG Kumpulan New Straits Times Sdn Bhd (NSTSB), Datuk Ahmad A Talib, melakukan kejutan pada perhimpunan kali ini apabila mendeklamasikan sajak khas bertajuk 'Tiada Kau Berdosd kepada Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, sejurus persidangan disambung selepas rehat tengah hari semalam.

Dalam ucapan ringkasnya, Ahmad berkata, beliau menghubungi Setiausaha Agung Umno, Tan Sri Khalil Yaakub, empat hari lalu bagi meminta izin untuk menyampaikan sajak dan mendapat kebenaran pada keesokannya.

"Saya berdiri di sini dalam keadaan seram sejuk kerana inilah julung kalinya seorang wartawan diberi peluang menyampaikan sepatah dua kata (pada Perhimpunan Agung Umno).

"Saya menghasilkan sajak ini selepas Dr Mahathir merasmikan perhimpunan kali ini. Ucapan itu saya simpan dengan baik dan faham kandungannya. Dr Mahathir adalah pemimpin yang banyak memberi pimpinan, bukan saja kepada saya, tetapi semua orang Melayu," katanya.

Ahmad turut menghadiahkan salinan sajak itu yang dibingkai khas kepada Dr Mahathir selepas mendeklamasikannya.

## Tiada kau berdosa

*Tiada kau berdosa padaku  
Tiada kau berdosa pada Melayu  
Tapi ingin kutahu  
Bagaimana Melayu tanpamu*

*Tiada kau leter tidak menentu  
Tiada kau puji dengan melulu  
Tiada kau marah tanpa periksa dahulu  
Tiada kau tangisi tanpa sesuatu*

*Sebenarnya  
Perdana Menteri  
Kata-katamu pedomanku  
Tingkah lakumu teladan bagiku*

*Sebenarnya  
Perdana Menteri  
Kaulah inspirasiku*